



SIARAN MEDIA *PRESS RELEASE*

Majlis Perasmian Karnival Patriotisme 2014

Kuala Lumpur, 14 November 2014 – Karnival Patriotisme 2014 adalah program yang julung kalinya dianjurkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Penganjurannya adalah untuk memperkukuhkan semangat cintakan Negara dan membudayakan nilai-nilai murni dalam kalangan penjawat awam, golongan belia dan pelajar.

Usaha ini juga adalah sebagai salah satu inisiatif untuk merapatkan hubungan warga INTAN dan JPA dengan masyarakat selaras dengan saranan YBhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara untuk merakyatkan Perkhidmatan Awam. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Turut hadir bersama YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah INTAN.

Penganjuran Karnival Patriotisme 2014 juga dilihat sebagai salah satu inisiatif dalam menjayakan agenda Transformasi Perkhidmatan Awam khususnya dalam membudaya nilai dalam kalangan masyarakat. Perkara ini selari dengan Kerangka Kerja Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA), yang telah menggariskan aspek Membudaya Nilai sebagai Teras Strategik Kelima. Tujuannya adalah untuk membina penjawat awam dan rakyat Malaysia yang mempunyai semangat setia dan perasaan

cinta terhadap negara. Perasaan ini dilengkapi dengan sikap ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Raja dan pemimpin negara agar perpaduan rakyat akan terus kukuh dan utuh dalam menghadapi sebarang ancaman baik dari dalam mahupun dari luar negara.

Keunikan program yang dianjurkan ini adalah turut diselitkan Program Bahasa Kebangsaan dalam usaha untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam perkhidmatan awam. Bahasa dan Patriotisme saling berkait rapat dalam melahirkan rakyat yang cintakan tanah air dalam memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia dan melaluinya terukir semangat patriotisme sebagai satu bangsa.

Program utama dalam karnival ini adalah Seminar Pugar Bahasa yang menampilkan figura akademik, Bahasa dan penyiaran seperti Dato' Adilah Shek Omar, Pengarah Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak dengan tajuk "Peranan Media sebagai Pemugar Bahasa Kebangsaan". Bicara Semarak Patriotisme bersama Datuk Dr. Sheikh Muszaphar, Angkasawan Negara, Wan Kamarudin Wan Ibrahim, personaliti dalam Industri penyiaran dan Suwaibah Mohd Nasir, pelari solo wanita dan juga pemegang rekod dalam *Malaysia Book of Records*. Tujuannya adalah untuk menterjemahkan semangat kecintaan dan sayangkan negara melalui sumbangan dalam bidang masing-masing.

Antara pengisian program khusus bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah adalah Pentas Patriot dalam menzahirkan rasa cinta mereka melalui deklamasi sajak, koir patriotik, bicara berirama dan sebagainya. Selain daripada itu, turut diadakan *Explore Race* Patriotisme, gerai-gerai jualan dan pameran melalui rakan kolaborasi strategik INTAN seperti Angkatan Tentera Malaysia, Universiti Putra Malaysia,

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan Arkib Negara, FAMA, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan banyak lagi.

Dianggarkan lebih daripada 800 orang hadir dalam karnival tersebut yang terdiri daripada penjawat awam, pelajar sekolah rendah dan menengah, pelajar institusi pengajian tinggi dan sukarelawan IM4U.

###

Unit Korporat dan Antarabangsa
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Tel: 03 2084 7205
Emel: korporat@intanbk.intan.my

14 November 2014